

Headline	Tabung Haji bantu 3,424 asnaf seluruh negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	12	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,400



Tabung Haji bantu 3,424 asnaf seluruh negara

KOTA BHARU-Lembaga Tabung Haji (TH) mensasarkan agihan zakat berjumlah RM1.7 juta kepada 3,424 asnaf miskin dan fakir di seluruh negara menerusi Program Ehsan TH sempena Ramadan tahun ini.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Datuk Othman Mahmood berkata, Program Ehsan merupakan program tanggungjawab sosial TH yang diadakan pada Ramadan bertujuan meringankan beban kewangan golongan fakir miskin, ibu tunggal, warga emas dalam membuat persiapan Ramadan dan menyambut Syawal.

Menurutnya, program digerakkan di seluruh negara dengan bantuan pengarah setiap di setiap negeri yang dikhaskan kepada golongan yang benar-benar layak sahaja.

Menurutnya, setiap penerima bantuan diberikan RM500.

"Program ini akan diteruskan bukan sahaja pada Ramadan, selagi TH mempunyai keupayaan

dan keuntungan kita akan bantu golongan yang sepatutnya ditolong," katanya, semalam.

Terdahulu beliau menyerahkan zakat berjumlah RM151,000 kepada 302 asnaf Kelantan di Kompleks Dewan Jubli Perak, Panji yang turut dihadiri Pengarah TH Kelantan, Mohd Sawal Abong.

Othman memberitahu, Kelantan merupakan lokasi ketiga dalam siri jelajah Program Ehsan TH tahun ini dan Kedah paling ramai menerima zakat iaitu seramai 400 orang.

"Kita berharap sumbangan ini memberi cahaya kepada penerima terutamanya golongan ini sudah berusia yang kemungkinan sukar mencari pendapatan," katanya.

Othman berkata, selain Program Ehsan, TH turut melaksanakan projek lain untuk manfaat dan kesejahteraan komuniti Islam setempat khususnya golongan asnaf seperti Projek Baiti (program pembinaan/ membaik pulih rumah) dan Projek Iqra (program pendidikan) di seluruh negara.



Othman ditemani Mohd Sawal (kiri) bertanyakan khabar penerima zakat Program Ehsan TH yang diraikan, semalam.